



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



PENCARIAN BAKAT (HEADHUNTING)

Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia berstatus Bumiputera/Bukan Bumiputera (Jawatan Akademik) yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan **Tetap** di Arshad Ayub Graduate Business School (AAGBS), UiTM Shah Alam.

A. JAWATAN AKADEMIK

Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL					
1.	PROFESOR	VK7	Pensyarah UiTM	RM 7,676.00	RM 20,592.00
2.	PROFESOR MADYA	DM53	Pensyarah UiTM	RM 6,162.00	RM 13,235.00
3.	PENSYARAH KANAN	DM51	Pensyarah UiTM	RM 5,855.00	RM 12,445.00
BIDANG PENGAJARAN YANG DITAWARKAN: <ul style="list-style-type: none"> ❖ PENGURUSAN ❖ KEWANGAN ❖ PENGURUSAN OPERASI ❖ PEMASARAN ❖ SUMBER MANUSIA 					

JAWATAN AKADEMIK

PENSYARAH UiTM

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DM51

- (c) (i) Mempunyai kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- dan (ii) Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
- (iii) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM51 : RM5,855.00)

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DM53 (PROFESOR MADYA)

- (d) (i) Mempunyai kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- dan (ii) Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan
- (iii) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM53 : RM6,162.00)

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED KHAS C (PROFESOR)

- (e) (i) Mempunyai kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- dan (ii) Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; dan
- (iii) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred VK7 : RM7,676.00)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah dibuat menggunakan Borang Permohonan Jawatan Pensyarah Universiti Teknologi MARA yang boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang Arshad Ayub Graduate Business School (AABS) di <https://aagbs.uitm.edu.my/>
2. Setiap permohonan **MESTILAH** disertakan bersama **SALINAN** dokumen mengikut susunan berikut:
 - a. Kad Pengenalan (disahkan)
 - b. Sijil SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf (disahkan)
 - c. Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana, PhD (Skrol & Transkrip Akademik Terperinci) (disahkan)
 - d. Surat Pengiktirafan Kelayakan Akademik daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang boleh diperolehi di laman sesawang Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (eSisraf) <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm>
 - e. Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada/terdahulu untuk mengambilkira pengalaman kerja/penetapan gaji
 - f. Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan kerajaan/Badan Berkanun/separa kerajaan yang sedang berkhidmat)
 - g. Resume/Curriculum Vitae (CV)
3. Bagi permohonan jawatan Pensyarah Kanan/Profesor Madya/Profesor KEUTAMAAN diberikan kepada calon-calon yang memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD).

Tarikh tutup permohonan adalah pada **5 OGOS 2022 (Jumaat)**.

Permohonan yang telah lengkap hendaklah di alamatkan kepada:-

**PEJABAT PENTADBIRAN
ARAS 3, ARSHAD AYUB GRADUATE BUSINESS SCHOOL
KOMPLEKS AL-FARABI, JALAN ILMU/1
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM
SELANGOR**

Bidang yang dipohon hendaklah ditulis di penjuru atas sebelah kiri sampul surat. Sila serahkan pada atau sebelum tarikh tutup borang permohonan.

Pemohon-pemohon yang tidak menerima maklumbalas selepas enam (6) bulan dari tarikh permohonan adalah dianggap tidak berjaya.

Peringatan : Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses dan dianggap tidak berjaya.

Sebarang pertanyaan boleh merujuk kepada:

NO. TEL : 03 5544 4769
EMEL : fairu693@uitm.edu.my